

27/04/1998

Tabung Ehsan Wanita terjamin

Kadir Dikoh; Zainuddin Isa

TABUNG Ehsan Wanita yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Februari lalu, dijangka memberi pulangan baik kepada pelabur meskipun dalam keadaan ekonomi yang masih gawat.

Tabung itu bersama Amanah Saham Wanita (Asnita) yang juga akan dilancarkan Perdana Menteri 5 Mei ini yang diusahakan oleh wanita Barisan Nasional (BN) diketuai Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman diuruskan oleh Metrowangsa Asset Management Sdn Bhd (Metrowangsa).

Ketua Eksekutif Metrowangsa, Dr Ghazali Atan, berkata pelaburan daripada tabung terbabit akan dibuat secara berpilih-pilih berdasarkan kekukuhan asasi syarikat tertentu di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) asalkan firma terbabit menjalankan aktiviti halal.

"Malah, Tabung Ehsan Wanita yang beroperasi sejak dilancarkan Februari lalu, sudah berupaya memberi pulangan sebanyak 13 peratus. Ini kerana kita berupaya menguruskan pelaburan itu dengan baik walaupun dalam keadaan ekonomi yang masih belum menentu.

"Namun, konsep kami tidak memberi dividen kepada pelabur tetapi keuntungan diraih daripada kenaikan harga unit. Dengan dividen kita terpaksa bayar cukai. Katakan dividen RM1, maka jumlah sebenar yang pelabur dapat cuma 70 sen kerana 30 sen kena cukai.

"Tetapi pelabur boleh dapat untung melalui penjualan unit. Misalnya, kalau beli 50 sen seunit, jual RM1.50, maka dia untung RM1. Ini adalah janji urus niaga terbaik kami kepada pelabur untuk tabung wanita ini," katanya dalam pertemuan dengan Berita Harian di Kuala Lumpur, kelmarin.

Metrowangsa, syarikat milik penuh Bumiputera yang sebelum ini dikenali sebagai Komplek Metrowangsa Sdn Bhd adalah pengurus tabung terbabit manakala anak syarikat milik 51 peratusnya, Hijrah Managers Bhd (Hijrah) bertindak selaku pengurus skim yang membuat urusan jual-beli. Difahamkan, dua syarikat ini juga akan turut mengurus Asnita.

Asnita yang dirancang itu adalah susulan daripada Tabung Ehsan Wanita dan ia adalah sama seperti pernah dicadangkan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz sebelum ini.

Pulangan tambahan 13 peratus untuk Tabung Ehsan Wanita adalah hasil pelaburan sehari berjumlah RM300,000 oleh 1,000 pelabur pada hari pelancarannya 8 Februari lalu.

Ditanya mengenai prospek pelaburan dalam tabung itu memandangkan keadaan ekonomi yang masih belum menentu meskipun Indeks Komposit di BSKL dan ringgit mula kelihatan stabil, Dr Ghazali berkata:

"Prospek ekonomi sekarang memang tidak bagus dan ia terpulang kepada kebijaksanaan kita menguruskannya. Terbukti kita berupaya menguruskan pelaburan tabung itu dengan baik apabila pelabur mendapat pulangan 13 peratus, dalam keadaan sekarang".

Bagaimanapun katanya, tumpuan pelaburan bagi dana tabung terbabit kini adalah untuk pasaran saham tempatan tetapi tidak menolak kemungkinan memperluaskan pelaburan ke luar negara.

Katanya, setiap pelaburan yang dibuat adalah berasaskan syariah. Metrowangsa sendiri mempunyai jawatankuasa pelaburan syariah diketuai Dr Ghazali. Anggota lain ialah Dr Mansur Isa, Dr Obiyathulla Ismath Bacha dan Mohamed Abdul Wahab, akauntan merangkap Pengarah Eksekutif Metrowangsa.

Beliau berkata, saiz dana Tabung Ehsan Wanita yang kini RM500 juta akan ditambah dari semasa ke semasa berdasarkan keuntungan diperolehi.

Sebenarnya kata beliau, Dr Siti Zaharah mula merancang penubuhan tabung itu sejak dua tahun lalu dan pihaknya berjaya menyelesaikan segala persiapan berkaitan dalam masa dua tiga minggu saja sebaik menerima pelantikan sebagai pengurus dana tahun lalu.

Dr Ghazali berkata, pihaknya mengasingkan pengurusan dana itu kepada dua syarikat iaitu Metrowangsa sebagai pengurus dana dan Hijrah selaku pengurus skim supaya konsepnya lebih khusus.

"Biasanya cuma sebuah syarikat pengurusan dana terbabit tetapi kami mahu kepakaran digunakan dengan sebaik mungkin dengan membahagikan pengendaliannya," katanya.

(END)